

09 APR 2000

G77-Bank

SOUTH BANK, KELAB PEMIUTANG DIBINCANGKAN PADA SIDANG KEMUNCAK SELATAN

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 9 April (Bernama) -- Malaysia dan negara-negara anggota lain Kumpulan 77 (G-77) akan meneliti beberapa cadangan termasuk penubuhan South Bank dan Kelab Pemiutang (Debtors Club) pada sidang kemuncak Selatan pertama perkumpulan itu di sini minggu depan.

Menurut satu laporan dalam laman web rasmi sidang kemuncak itu, cadangan-cadangan itu telah dibincangkan dan dipersetujui pada Forum Perniagaan Sidang Kemuncak Selatan di sini baru-baru ini.

Laporan itu menyatakan perwakilan dari 30 negara anggota menghadiri forum itu bagi menggariskan cadangan-cadangan untuk dibincangkan oleh ketua-ketua negara dan kerajaan G-77 pada sidang kemuncak 10-14 April ini.

Dewan Perniagaan dan Industri G-77 telah menjalankan kajian kemungkinan mengenai South Bank yang dicadangkan sebagai penyumbang utama kepada pembaharuan segera dana kewangan antarabangsa dan orde kewangan pada masa sekarang.

Laporan itu juga menyatakan bank itu dapat ditubuhkan selepas dteliti sumbangan setiap negara anggota dan strategi pembiayaan bagi merangsang pengeluaran negara dengan menggalakkan eskport dan mengantikan import.

Mengenai Kelab Pemiutang, forum itu menilai hutang luaran Selatan -- berjumlah US\$2.5 trilion -- dan mencadangkan penubuhan kelab itu.

Kelab itu akan bertindak sebagai rakan kongsi bersama dalam rundingan dengan si piutang, yang dikumpulkan dalam institusi berasingan seperti Kelab Paris dan London.

Sidang kemuncak itu akan menghimpunkan pemimpin-pemimpin negara membangun buat julung kalinya sejak G-77 ditubuhkan pada 1964. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak itu.

Sidang kemuncak itu juga akan membincangkan penubuhan Rangkaian Maklumat Selatan-Selatan meliputi semua sektor yang bukan sahaja memudahkan akses kepada maklumat komersil dan kewangan, tetapi juga boleh mengimbangi risiko yang wujud dalam globalisasi, menurut laporan itu.

Forum itu juga menyatakan dalam menghadapi Perjanjian Pelaburan Pelbagai Hala yang ditaja oleh negara-negara di Selatan pada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), telah dipersetujui untuk mewujudkan mekanisme bebas bagi melindungi dan merangsang pelaburan oleh Selatan dan dalam lingkungan Selatan.

Menurutnya perbincangan dalam WTO itu perlu mengambil kira bahawa rundingan perdagangan baru tidak boleh dijalankan sehingga persoalan yang timbul pada perjanjian sebelum itu telah diselesaikan.

"Ini termasuk soal perlindungan, kemerosotan perdagangan Utara-Selatan, dan perlunya untuk melayan negara-negara kecil secara berlainan," menurut laporan itu.

Forum itu memutuskan bahawa negara-negara yang dibelenggu hutang luaran mesti dikecualikan daripada mematuhi peraturan WTO, yang membawa kepada cadangan pengwujudan Suruhanjaya Rundingan Selatan.

Menurutnya majoriti aliran pelaburan langsung asing yang dijalankan di dunia telah terjejas di kalangan negara-negara maju, dan berdasarkan kenyataan ini, modal pelaburan Selatan-Selatan dengan kemudahan undang-undang, cukai dan fiskal menarik mesti digalakkan.

Dalam konteks ini, laporan itu menyatakan forum juga membincangkan kemungkinan mengadakan persidangan mengenai usaha sama dengan negara-negara anggota peserta perkumpulan itu.

Forum itu juga mencadangkan untuk melantik Jawatankuasa Resolusi Konflik dengan objektif bekerjasama dalam menyelesaikan konflik yang telah

menyebabkan kehilangan banyak nyawa dan harta benda di kalangan
negar-negara Selatan.

-- BERNAMA

ES RHM MAI